



# Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/027  
**Tarikh** : 06 Mac 2025

## KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 6 TAHUN 2025

### PENGEMASKINIAN NOMBOR PENDAFTARAN CUKAI (TIN) DAN MAKLUMAT ANGGOTA LGM DI DALAM SISTEM PENGGAJIAN LGM

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kini dalam peralihan dari sistem Potongan Cukai Bulanan (PCB) sedia ada ke sistem baharu iaitu e-PCB Plus yang berkuat kuasa pada bulan Januari 2025.
3. Susulan daripada itu, semua Pegawai dan Pekhidmat (termasuk bukan pembayar cukai sedia ada) dikehendaki untuk memaklumkan Nombor Pendaftaran Cukai (TIN) masing-masing melalui pautan: <https://forms.gle/6t5mbma5Yc2BfJS26> sebelum 11 Mac 2025. Tatacara untuk semakan No. TIN boleh dirujuk melalui **lampiran** yang disertakan.
4. Selain itu, bagi memastikan pengiraan PCB adalah teratur dan memudahkan penghantaran ePCB Plus serta Borang E CP8D / Borang EC, Pegawai dan Pekhidmat juga diminta untuk mengemaskini maklumat keluarga seperti di bawah dengan memaklumkan kepada pihak UPSM bagi tujuan pengemaskinian di dalam sistem penggajian LGM:
  - (a) Maklumat pasangan
  - (b) Maklumat tanggungan / anak-anak
  - (c) Status Orang Kurang Upaya (OKU) - jika berkaitan

Maklumat ini hendaklah dimaklumkan dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan.

5. Segala perhatian dan kerjasama semua Pegawai dan Pekhidmat LGM berhubung perkara ini amat dihargai.

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 6 TAHUN 2025  
06 MAC 2025

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(EMILIA BINTI KASSIM)**